

19/03/2002

Russia sepatutnya kembali imbangi kekuatan Amerika

Ahmad Rejal Arbee

PERKEMBANGAN geo-politik dunia sekarang, dengan Amerika Syarikat semakin memantapkan kedudukan sebagai satu-satunya kuasa dunia tanpa dapat digugat oleh mana-mana kuasa lain, kini semakin dipersoalkan.

Mulanya banyak negara berharap dengan wujudnya senario unipolar begini, dunia akan lebih aman kerana tidak berlaku lagi dua negara gergasi - Amerika dan Soviet Union (ketika itu) - berentap untuk mewujudkan arus pengaruh mereka di dunia yang memungkinkan tercetusnya peperangan nuklear.

Malah, ada yang mengharapakan Amerika dengan tradisi demokrasinya akan berusaha mewujudkan prinsip itu bagi arena hubungan antara negara-negara dalam usaha melahirkan keadaan aman damai di seluruh dunia.

Tetapi, setelah sekian tahun Amerika memastikan kekuasaannya di seluruh dunia - penguasaan total dalam segenap bidang termasuk politik antarabangsa, ketenteraan, penguasaan angkasa lepas untuk kegunaan ketenteraan, malah kebudayaan hinggakan pakaian dan apa yang ditonton melalui filem dan lagu-lagu yang berkumandang hinggakan makanan seperti McDonald's dan Kentucky Fried Chicken - negara itu kini dilihat sebagai suatu kuasa yang semakin bongkak hanya kerana tiada lagi wujud tandingan baginya.

Hubungan antara negara-negara jelas tidak berlandaskan kepada unsur-unsur demokrasi, tetapi kepada kekuasaan. Siapa yang lebih berkuasa, ia yang akan menentukan hala tuju perkembangan dunia, baik dalam perdagangan antarabangsa, pelaburan, ekonomi dan lain-lain bidang.

Itulah sebabnya tindak-tanduk Amerika akhir-akhir ini dianggap keterlaluan dan kian dipersoalkan.

Terakhir ialah pembongkaran akhbar bahawa Pentagon telah menggariskan secara terperinci beberapa negara yang dimungkinkan baginya melancarkan serangan nuklear, termasuk Russia dan China.

Lebih menghairankan ialah Pentagon juga menggariskan haknya untuk melancarkan serangan nuklear itu terhadap negara-negara yang tidak pun mempunyai senjata nuklear seperti Iraq, Iran, Libya dan Korea Utara.

Kemungkinan ini bercanggah dengan ketetapan antarabangsa yang dipelopori Amerika sendiri bahawa serangan nuklear hanya boleh dilakukan ke atas sesebuah negara yang mempunyai senjata nuklear.

Banyak negara kemudiannya mempersoalkan kebijaksanaan Amerika yang tergamak berfikir demikian untuk menyediakan kemungkinan serangan seperti ini.

Walaupun pentadbiran George W Bush kemudian berupaya menjelaskan bahawa ia sebenarnya tidak mempunyai rancangan melakukan serangan demikian, 'nasi sudah menjadi bubur' dan banyak negara, khususnya negara-negara yang menjadi sasaran Amerika itu, tahu Pentagon sememangnya berpegang kepada kemungkinan itu.

Malah, ramai rakyat biasa Russia mempertikaikan pemikiran Amerika yang membawanya membuat persediaan demikian.

Mereka juga kesal kerana Russia kini begitu lemah hingga tidak terdaya untuk menghadapi perancangan Amerika itu.

Malah, ada rakyat Russia menyamakan Amerika seperti Nazi Jerman di bawah pemerintahan Hilter yang mahu menyebarkan pengaruhnya ke seluruh dunia.

Seorang lagi rakyat Russia berpendapat Amerika harus menyingkirkan pemikiran 'perang dingin' kerana dalam abad ke-21 sekarang, negara kuasa besar itu harus bersikap lebih positif dan tidak terlalu bongkak menunjukkan kekuasaannya.

Seorang yang lain pula hilang kepercayaannya terhadap Amerika sebagai sebuah negara yang selama ini dianggapnya sebagai suatu kuasa yang berusaha mewujudkan keamanan dunia.

Seorang lagi berpendapat bahawa sejak akhir-akhir ini Amerika sering memberikan isyarat berbahaya yang boleh mengancam keamanan dunia, misalnya kenyataan hendak menyerang Iraq, Iran dan Korea Utara kononnya kerana memberi perlindungan kepada pengganas antarabangsa atau kerana mempunyai senjata yang boleh menyebabkan kemusnahan besar.

Tetapi Amerika sendiri yang mempunyai dan masih terus membina dan menyelidik untuk mengadakan senjata yang amat menggerunkan seperti itu tidak pula siapa pun mempersoalkannya.

Apakah Amerika dibolehkan mempunyai dan menyimpan senjata demikian, manakala negara lain tidak boleh?

Negara-negara lain yang berusaha mengadakan senjata demikian dianggapnya sebagai mengancam Amerika, tetapi kini Amerika sendiri yang mengancam untuk melancarkan senjata yang boleh menghancurkan umat manusia.

Dengan perkembangan yang mencemaskan ini, tepatlah sebagaimana dinyatakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kekuasaan Amerika itu perlu diimbangi, seboleh-bolehnya oleh Russia sendiri.

Sebagaimana kata Perdana Menteri, kalau ada perimbangan demikian antara dua kuasa sama berupaya, mereka akan berkelakuan baik.

Kini memang sudah wujud pandangan bahawa Russia patut berusaha mengembalikan kekuatan dan kedudukannya dulu (sewaktu sebagai Soviet Union) untuk mengimbangi kekuasaan Amerika supaya negara itu tidak akan bersikap begitu bongkak sebagaimana sekarang.

Senario sekarang, khususnya selepas serangan 11 September, menjadikan Amerika menganggap dirinya sebagai sentiasa menghadapi ancaman serangan oleh pengganas antarabangsa.

Mereka kini walaupun berupa sebuah kuasa besar yang tiada tandingan, tetapi masih berasa begitu goyah.

Malangnya, dalam menghadapi masalah ini, Amerika tidak berusaha mencari sebab-musababnya dan mengatasi puncanya, sebaliknya sebagaimana sikap seorang pembuli, ia terus mendabik dada dengan kekuatan kekuasaannya.

Sebaliknya, sebagai satu-satunya kuasa besar di dunia, ia harus bersikap lebih matang dan bertindak bukan hanya dari segi kepentingannya saja.

Ia harus menghakis mentaliti pengepungan (siege mentality) dan menghapuskan pandangan ia sebagai polis dunia. Kewajipan demikian sepatutnya dipikul oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Pelbagai pandangan di Russia sendiri kini sudah disuarakan betapa perlunya negara itu mengembalikan kegemilangannya.

Ada yang menimbulkan keagungan Russia pada kurun ke-18 di bawah pemerintahan Raja (Tzar) Peter the Great.

Kini negara ini sememangnya menghadapi pelbagai masalah berikutan keruntuhan pemerintahan komunis yang menyebabkan perpecahan Soviet Union kepada Persekutuan Russia, beberapa negara Baltic seperti Lithuania, Latvia dan negara-negara lain seperti Ukraine, Borussia dan negara-negara Asia Tengah seperti Uzbekistan, Kazakhstan, Kyrgyzstan dan lain-lain lagi.

Pembukaan ekonominya daripada ekonomi terkawal kepada ekonomi pasaran bebas telah membawa kepada suatu keadaan yang tidak menentu hingga memerlukan suntikan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Demikian juga dalam politik dan pentadbiran sistem liberal dan bebas belum dapat dimantapkan dengan berkesan.

Ini memerlukan masa dan ramai berpendapat pemerintahan sekarang di bawah Presiden Vladimir Putin akan lambat-laun dapat mengatasi masalah yang dihadapi bagi meningkatkannya kembali sebagai suatu kuasa besar dunia untuk menyaingi Amerika.

Sementara itu, kunjungan rasmi Dr Mahathir yang berakhir Sabtu lalu,

melahirkan suatu era baru hubungan Malaysia-Russia yang bertambah erat dalam pelbagai bidang, khususnya kerjasama dalam sains dan teknologi, termasuk penerbangan dan angkasa lepas.

Dalam rangka kunjungannya, Perdana Menteri menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman yang menggariskan kerjasama merangkumi pelbagai bidang antara Akademi Sains Russia (SAR) dan Akademi Sains Malaysia (ASM) berikutan selesainya seminar tiga hari antara ahli sains kedua-dua negara.

Kerjasama itu merangkumi pelbagai bidang, termasuk usaha penyelidikan bersama, pertukaran ahli sains antara kedua-dua negara dan latihan untuk ahli sains Malaysia di SAR.

Kerjasama itu dianggap penting dalam usaha R&D kerana menurut Naib Presiden SAR, Prof Nikolai Plat, walaupun ASM suatu akademi baru, Malaysia diketahui berjaya mewujudkan saintis berkebolehan dalam pelbagai bidang.

Peserta Russia di seminar tiga hari itu tertarik dengan kebolehan dan pengetahuan ahli sains Malaysia berdasarkan kertas-kertas saintifik yang dibentangkan.

Prof Plat yakin Malaysia dengan kepemimpinannya yang berpandangan jauh akan berjaya mewujudkan sebuah negara yang dapat menguasai sains dan teknologi.

Setiausaha Agung ASM, Datuk Dr Salleh Mohamad Nor, yang mengetuai rombongan 33 ahli sains Malaysia ke seminar itu di Institut Kimia Bioorganik Shemyakin-Ovchinnikov berkata mereka membincangkan 35 kertas, termasuk 15 dari Malaysia.

Berikutan itu, ASM dan Institut Kimia Bioorganik SAR mengenal pasti lima bidang yang boleh diusahakan ahli sains kedua-dua negara.

Dr Salleh menghuraikan kelima-lima bidang itu merangkumi bioteknologi pertanian; bioteknologi perubatan termasuk mewujudkan vaksin baru memerangi kanser dan usaha penemuan ubat-ubatan baru untuk denggi; kajian kimia dan biologi mengenai pelbagai herba yang mempunyai potensi digunakan untuk perubatan; R&D dalam bioteknologi asas termasuk program melatih ahli sains Malaysia dan usaha mewujudkan bahan polymerik untuk perubatan.

Dr Mahathir yang mengalu-alukan kerjasama itu berkata, masa depan kemajuan Malaysia akan bergantung kepada kebolehan ahli sainsnya menguasai sains dan teknologi.

Bioteknologi, katanya, akan memainkan fungsi penting untuk masa depan manusia sejagat dan berharap kerjasama antara ahli sains kedua-dua negara akan mendatangkan hasil bukan saja untuk kebaikan bersama, bahkan untuk kepentingan seluruh dunia.